

20 SEP 1997

DR MAHATHIR TIBA DI HONG KONG UNTUK SEMINAR BANK DUNIA/IMF

HONG KONG, 20 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tiba hari ini untuk berucap pada satu seminar Bank Dunia.

Ketibaan Perdana Menteri disambut oleh Konsul Besar Malaysia di Hong Kong Zakaria Sulong, pegawai-pegawai Bank Dunia dan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) dan Timbalan Ketua Eksekutif Lembaga Kewangan Hong Kong, Andrew Sheng, yang merupakan rakyat Malaysia.

Dr Mahathir akan berucap mengenai "Asia Sebagai Satu Peluang".

Menurut penganjur seminar, ramai wartawan membuat permohonan untuk menebual Dr Mahathir di sini.

Sekitar 2,000 wartawan berada di sini untuk membuat liputan mesyuarat 10 hari itu yang dihadiri 14,000 peserta.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim dijadual tiba esok untuk menghadiri mesyuarat Bank Dunia/IMF yang bermula Isnin ini. --

BERNAMA

AU MAI